

# Satukan Pak Lah - Mahathir

**PWTC** Kuala Lumpur akan menjadi tumpuan jutaan rakyat Malaysia apabila Umno akan bersidang lagi pada 13 November 2006 ini. Perhimpunan kali ini barangkali ada kelainan kerana diterjah oleh isu panas Pak Lah-Mahathir sejak enam bulan lalu. Intipati ucapatama Pak Lah buat musim ketiga selepas menduduki takhta Presiden Umno bekal dinanti-nantikan.

Tidak dinafikan, putaran ucapatama Pak Lah lebih menjuruskan kepada kesepakatan dalam memperkasakan parti dominasi umat Melayu Islam, isu pemabgunan RMK-9, hala tuju penciptaan baru tiga koridor pembangunan di Selatan, Timur dan Utara, memartabat ekonomi Melayu, menambah nilai pendidikan dalam menyediakan modal insan berpaksikan **'kecemerlangan dunia dan akhirat'** selaras dengan misi Islam Hadhari, dasar baru hubungan antarabangsa dengan negara-negara Islam, benua Afrika, Amerika Selatan, Asia Timur dan Barat.

Sekalipun dunia politik mengharapkan Pak Lah akan menyentuh isu peribadinya yang dikritik hebat oleh Mahathir, ia tidak mungkin berlaku. Pak Lah tidak mungkin menyerang Mahathir yang pernah 22 tahun melontar berjuta pandangan dan idea bernas untuk membangkitkan kemajuan Melayu Islam yang kini sudah terlihat kecemerlangannya.

Pak Lah tetap akan bercakap tentang sikap Mahathir terhadapnya, tetapi dengan nada bersifat kekeluargaan bagi mencari jalan keluar demi keutuhan Umno dan demi perhormatan Umno kepada Mahathir sejauh ini. Pak Lah tidak akan menyerang Mahathir di pentas himpunan besar Umno kali ini. Malah, Pak Lah akan merayu dan meminta Mahathir yang dikritik sebagai negarawan ulung di perhimpunan sebelum ini agar terus tampil membantu dan memberi idea bernasnya untuk membina kemajuan lebih besar kepada umat Melayu Islam.

Jika mengharapkan Pak Lah menjadikan gelanggang perhimpunan kali ini untuk menyerang balas Mahathir, ia tidak mungkin berlaku. Pak Lah yang terkenal dengan jiwa ulama yang taqwa, memiliki kesabaran jiwa cukup tinggi dan jauh lebih matang menghalusi setiap permasalahan, bukan mudah dihasut oleh iblis untuk menyerang balas Mahathir.

Pak Lah akan membuka ruang luas kepada perwakilan agar merayu Mahathir untuk tidak bersikap begitu terbuka mengkritik kepimpinannya. Mahathir masih diperlukan bagi memperkasakan Umno. Mahathir adalah lambang pejuang Melayu Islam bertaraf dunia dalam mempertahankan martabat Islam dengan kecaman hebat ke atas Yahudi dan berjaya membuka mata pemimpin-pemimpin negara dunia ketiga agar tidak terlalu mengikut telunjuk Amerika.

Krisis Pak Lah-Mahathir sekadar satu perselisihan dalam keluarga Umno dan hanya ahli Umno yang dapat menyelesaikan pertikaian ini. Pada himpunan besar kali ini, perwakilan yang diberi kesempatan untuk membahas isu, perlu tampil dengan lebih berhemah dan bijaksana bagi menenangkan **'kegelisahan jiwa'** Mahathir. Mahathir kini rasa terpinggir dari arus perdana politik, apakah ahli Umno akan terus menghukumnya untuk lebih terpinggir.

Perhimpunan kali ini adalah ruang lebih luas kepada perwakilan Umno yang mewakili lebih 2.9 juta ahli dan umat Melayu Islam membuat resolusi menyatukan kekuatan besar - Pak Lah-Mahathir demi menjulang martabat agama, bangsa dan negara. Himpunan kali bukan medan untuk perwakilan yang bakal berhabas membias sindiran, terjahan ke atas bekas pemimpin terhebat negara itu.

Jika wujud kesepakatan dari suara ahli Umno yang begitu besar dan bersepadu, Mahathir tidak mungkin mengulangi kritikan keras tanpa sebab yang kukuh. Sebagai anak-anak umno yang pernah berpakakan Mahathir, inilah waktunya kita memujuk bagi mencari jalan keluar. Umno tidak wajar mengamal budaya tidak mengenang budi dan menghormati orang tua. Apa pun

*Perhimpunan kali ini adalah ruang untuk membincangkan kedudukan Kelantan yang masih dalam genggaman PAS. Umno perlu mencari kerangka kerja bagi membolehkan Kelantan dirampas semula bagi membuktikan zaman Pak Lah Umno cukup Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Umno sudah menjatuhkan PAS di Terangganu, kini tinggal Kelantan yang menjadi rumah berhantu PAS sejak merdeka*

tindakan Mahathir, perhormatan perlu diberikan.

Umno yang berjuang atas landasan Islam tulin tidak mungkin menghidupkan api dendam dan kebencian sekalipun dengan parti lawan. Ahli Umno perlu mencontohi Pak Lah dan membina siasah diri yang meletakkan **'kesabaran'** sebagai jantung jiwa taqwa. Pak Lah sudah mengingatkan di Ipoh pada Ramadhan lalu, bahawa setiap kejahatan yang dilakukan ke atas kita, di balas pula dengan kejahatan. Setiap fitnah di balas dengan fitnah. Jika ini yang dilakukan bermakna ajaran Islam belum sebatu dengan jiwa kita, sebab itu bangsa yang menerima Islam masih lemah nilai budinya.

Ahli Umno perlu mengakui hakikat PAS dalam kegelisahan selepas kemunculan Pak Lah kerana kekuatan sifat dirinya yang **'hamba, bersahaja dan sabar'**. Pak Lah tidak menyerang pemimpin-pemimpin PAS, jarang menghentam membuat PAS ketiadaan isu untuk menghentam Pak Lah. Jesteru itu, PAS mengambil pendekatan menghentam dan memfitnah Khairy Jamaluddin, menentu Pak Lah yang hanya sekadar Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, bukan menteri.

Pak Lah bukan pemimpin yang lemah, tetapi **'berhati-hati'** agar setiap perancangannya tidak menemui kegagalan kerana wang negara perlu dibelanjakan secara berhemah untuk kepentingan rakyatnya. Pak Lah meletak kerja bukan

untuk mencari **'gah diri'**, jauh sekali untuk melihat perancangannya gagal. Pak Lah bukan mundur ke belakang sekalipun memberi penekanan kepada pertanian kerana Allah s.w.t menjanjikan kekayaan ekonomi seperti dalam wahyuNya jika diurus dengan lebih bersistemetik.

Sikap hati-hati Pak Lah dalam melaksanakan pembangunan negara ini kurang disenangi oleh golongan peniaga dan kontraktor. Golongan ini yang hidup atas hampan kemewahan akan hidup tersiksa

Anwar mahu masuk atau tidak biarlah akal nya membuat keputusan. Yang penting undang kerana ini zaman Pak Lah yang mengharapkan rakyat berkerja bersamanya, bukan untuk dirinya. Mungkin di zaman Mahathir, Anwar keberatan, tetapi zaman Pak Lah ini cukup berbeza.

Mengundang Anwar, tidak bermakna Umno bimbang menghadapi pilihanraya umum ke-12. Tanpa Anwar, Umno dan Barisan Nasional akan menang selesa di mana-mana. Berpolitik dengan mencari silap dan salah orang lain, bukan hebat. Anwar yang ditakdirkan Allah s.w.t **'bersuci jiwa mencari jalan wali'** selepas terasing dari dunia luar sudah pasti ada hikmah dari ketentuan itu, tidak sewajarnya terus tampil untuk mengadu domba Melayu Islam agar berpecah kerana politik mencari kuasa.

Perhimpunan kali ini adalah ruang untuk membincangkan kedudukan Kelantan yang masih dalam genggaman PAS. Umno perlu mencari kerangka kerja bagi membolehkan Kelantan dirampas semula bagi membuktikan zaman Pak Lah Umno cukup **Cemerlang, Gemilang dan Terbilang**. Umno sudah menjatuhkan PAS di Terangganu, kini tinggal Kelantan yang menjadi rumah berhantu PAS sejak merdeka.

Selain mendambakan kekerapan Pak Lah dan Najib turun ke kelantan, pemimpin-pemimpin tertinggi Umno lain perlu tampil menjadi **'bapa angkat'** kepada setiap bahagian, bukan setakat Umno negeri sahaja. Setiap Ahli Majlis tertinggi perlu menjadi bapa angkat kepada Umno bahagian di Kelantan dengan gerak kerja lebih tersusun. Permufakatan ini amat diperlukan bagi mewajahkan Umno baru yang cukup hebat di zaman Pak Lah.

Jangan menganggap remah pandangan ini jika Umno bernar-benar mahu merampas Kelantan. Umno negeri-negeri mengambil setiap bahagian menjadi **'anak angkat'**, Ahli Majlis Tertinggi mengambil setiap DUN sebagai anak angkat. Umno Kelantan perlu di bantu sekali pun sudah mula memancar sinar kekuatan baru. Pemuda Umno pusat perlu lebih memberi tumpuan kepada Kelantan.